

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Dalam ulang tahun yang kesepuluh polis di Jakarta Dr Mohammad Hatta wakil Presiden di dalam ucapan menyatakan bahawa hendaknya seorang polis di Indonesia itu mempunyai sifat sebagaimana polis yang ada di London. Kalau seorang asing bertanya satu tempat kepada polis di London, ia berbuat sebagai seorang sahabat; menunjukkan di mana tempat yang hendak dituju itu dan kalau sekiranya ia tidak tahu, kata beliau, maka pegawai polis itu sendiri menghantarkan ke mana yang hendak dituju. Jadi polis di London itu adalah menjadi sahabat dan mustahak diteladani oleh polis di Indonesia supaya polis itu menjadi sahabat kepada orang ramai bukannya menjadi penjaga atau pengawal atau mencari kesalahan-kesalahan orang ramai. Kenyataan Dr Hatta ini sememangnya kenyataan yang benar sebab telah timbul perasaan-perasaan di dalam negeri jajahan ini bahawa pekerjaan-pekerjaan polis itu tidak lain kerana mencari kesalahan orang sahaja dan kerana perasaan-perasaan itu dari dahulu lagi begitu maka baik pihak polisnya baik orang ramainya sukar sekali akan mendapat muhibbah yang berkesan atau berfaedah dari masyarakat yang akrab – bertolong-tolongan di dalam apa-apa perkara jua pun.

\*

\*

\*

Seminggu sesudah membaca cerita itu penulis rencana ini pergi berbelanja di Pasar Katung. Penulis dan juga orang-orang di situ terperanjat seketika mendengar orang berlari-lari dan melihat pula penjual-penjual

sayur di pasar berkejar-kejar mengangkat bakul-bakul mereka. Kalau penjual-penjual sayur terperanjat kerana tahu barangnya akan diambil tapi orang-orang yang berbelanja takut ada sesuatu rusuhan, perkelahian dan seumpamanya yang akan membabit mereka itu. Pada ketika itu nampak oleh penulis sebuah van polis datang dan beberapa mata-mata turun berlari menuju bakul-bakul jualan yang terletak di kaki lima pasar itu. Orang ramai tidak peduli tentang hukum tetaoi orang ramai tentulah berhajat supaya cara penyerbuan yang sedemikian itu janganlah dipandang sebagai suatu langkah yang merosakkan taraf polis kerana orang ramai tahu bahawa polis di Singapura ini anak “dari polis di London”. Alangkah baiknya jika kejadian yang sedemikian itu dijauhkan dan dicari satu daya upaya yang lain menempatkan atau menumpangkan penjual-penjual itu kepada tempat-tempat yang lebih munasabah kerana mereka mencari nafkah bukannya mencuri, bukan menyamun yang mesti diserbu dengan sebegitu rupa. Kesan-kesan penyerbuan yang sedemikian itu sangat kurang baik pada umum kerana daripadanya timbul cakap-cakap umpamanya, yang penulis dengar, gagah menyerbu orang berniaga tetapi kejahatan-kejahatan yang lebih besar tak dapat ditangkap oleh orang-orang polis. Kata-kata yang sedemikian ini patut dicari jalan supaya tidak ada lagi dan disebalik itu mudah-mudahan pegawai-pegawai polis menjalankan “budi bahasa” (*Courtesy*) polis yang digantungkan di tembok balai polis itu supaya diamalkan dan diselenggarakan supaya sebenar-benarnya polis Singapura menjadi anak polis London – menjadi

sahabat kepada orang ramai bukan kerjanya mencari  
kesalahan atau tidak berkurang lebih – menunggu  
di tepi-tepi jalan kalau tersilap melanggar lampu  
kuning dan seumpamanya.

\* \* \*

Dr Ali Akbar seorang doktor yang terkenal  
di Indonesia di dalam kenyataannya kepada akhbar menuntut supaya  
jangan sahaja kerja-kerja di dalam pemulihan ekonomi sahaja  
yang dibantu tetapi hendaklah juga diberi perhatian kepada  
penuntut-penuntut sebab penuntut-penuntut kedoktoran dan ilmu-ilmu lain  
di universiti-universiti hampir diisi oleh 50% daripada  
bangsa Cina sedang yang bakinya termasuk warga  
Indonesia, yang demikian ini dipandangnyanya sangat berbahaya kepada  
perkembangan ahli-ahli pengetahuan di Indonesia dan dengan  
kerana itu ia meminta supaya diadakan dasar-dasar yang tertentu  
untuk membantu penyelenggaraan penuntut-penuntut itu.

Teguran Dr Ali Akbar ini patut dan  
mustahak diperhati oleh kita di sini terutamanya  
di Persekutuan Tanah Melayu yang bakal menghadapi masa  
kemerdekaan. Bantuan-bantuan yang besar patut diberi untuk  
menyalurkan anak-anak kita mendapat pelajaran-pelajaran tinggi  
sebab kalau tidak cukup cerdik pandai daripada bangsa  
kita maka sudah tentulah nanti, di dalam masa-masa merdeka,  
orang Melayu tetap menjadi peon dan  
kakitangan pejabat sedang ketua-ketua kerja terdiri daripada  
bangsa-bangsa lain.

\* \* \*

Pesta telah diadakan di ibu kota Persekutuan  
Tanah Melayu baharu-baharu ini, berjejal-jejal manusia telah datang  
untuk melihat pesta itu dari ceruk rantau  
persekutuan tanah Melayu. Tujuan mengadakan pesta itu  
terang dan jelas ialah kerana menghidupkan kebudayaan  
bangsa Melayu – itulah dia yang ditunjukkan di sana.  
Sekali imbas yang demikian di tujukan adalah

mempunyai satu cita-cita dan tujuan yang baik. Kerana  
itu pula maka Ketua Menteri Tengku Abdul Rahman meminta  
supaya pesta yang demikian itu diadakan tiap tahun-tahun  
di Persekutuan Tanah Melayu. Berapa belanjanya tidaklah dapat  
kita ketahui tetapi mengadakan satu pesta yang besar  
seperti itu tentulah banyak memakan belanja dan belanja itu  
sudah terang dipikul oleh rakyat. Di sebalik itu ada  
fikiran dan pandangan lain yang mengatakan bahawa jika  
sekiranya diadakan tiap-tiap tahun maka mudaratnya lebih besar  
daripada manfaatnya. Tatkala ditanya pendapat ini apakah  
mudaratnya yang lebih banyak itu, ia menyatakan bahawa yang demikian  
akan menambah krisis akhlak. Kerana itu adalah dihajati  
sangat supaya yang demikian ini diperhati dengan saksama  
- apa manfaatnya dan apa mudaratnya kepada masyarakat orang-orang  
Melayu.

\* \* \*

Ketua Menteri Persekutuan Tengku Abdul Rahman baharu-baharu  
ini telah menyatakan kepada akhbar bahawa Persekutuan Tanah Melayu  
akan menghadapi Komunis dengan seorang dirinya dan ia  
tidak berhajat kepada bantuan-bantuan dari lain umpamanya  
dari kerajaan British. Di sebalik itu beliau menyatakan  
bahawa beliau dengan rombongannya akan ke London untuk meminjam  
sebanyak \$20,000,000,000 daripada kerajaan British  
untuk menyelesaikan masalah-masalah yang rumit itu. Ini  
bagus tetapi menjadi satu pertanyaan apakah kerajaan  
British akan memberi pinjaman yang tersebut sekiranya  
pinjaman itu tidak dapat terjamin? Ini  
tentulah Tengku sendiri dan Jemaah Menterinya akan dapat  
memberi penerangan-penerangan kepada umum.

\* \* \*

Parti Progresif Rakyat Perak dalam memorandum  
kepada Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu di antara lain-lain  
yang patut diperhatikan ialah satu perkara yang nampaknya  
sangat terbatas iaitu di dalam perkara yang berbunyi:

“Dasar-dasar agama Islam hendaklah memajukan bersatu padu, menjamin pembinaan masjid-masjid dan tempat-tempat ibadah dan menegah orang-orang Melayu minum arak terkecuali dibuat ubat”. Perkataan yang akhir terkecuali dibuat ubat itu patutlah segera ditarik balik menurut pandangan sebahagian orang kerana walau bagaimanapun untuk dijadikan ubat arak itu tidak dibenarkan. Ini sudah terang dikecualikan zatnya itu dicampurkan di dalam satu-satu benda yang lain yang dilakukan oleh doktor tetapi sekiranya zat arak sahaja maka yang demikian sudah terang ditegah. Pendapat ini berharap mudah-mudahan dapatlah kiranya perkataan itu dipinda supaya jangan menuntut satu perkara agama yang tidak diketahui oleh mereka.

\* \* \*

Sebuah surat khabar tempatan di dalam beberapa keluarannya bermegah-megah dengan penerbitannya yang telah meningkat kepada angka 100,000 naskhah sehari kepada orang-orang yang tidak mengerti angka itu adalah menunjukkan kemajuan dan kegemaran kepada apa yang telah dicapainya. Tetapi bagi orang yang mengerti bahawa itu bukanlah satu kemajuan atau satu kejayaan kerana pembaca-pembacanya diumpan dengan \$5000 tiap-tiap minggu dan sesudah terang kepada umum kerana itulah maka banyak orang yang membelinya - seseorang harus membeli 5 atau 10 naskhah sedang yang dibacanya hanya senaskhah sahaja. Kalau kemajuan yang diharap atau patut dimegahkan ialah kemajuan yang didapat daripada kebolehan dan kecekalannya. Cuba buangkan \$5000 itu bolehlah sama-sama dilihat sampai di mana tingkatan kemajuan yang didapati oleh mereka.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman Ketua Menteri dan Menteri Pertahanan di dalam kenyataannya di antara lain-lain berkata “Saya merasa yakin bahawa masanya kita mencapai kemerdekaan nanti kita menghadapi Komunis dengan kebolehan-kebolehan

dalam Persekutuan sahaja.” perkataan Tengku adalah sebagai satu janji yang dibuat kepada rakyat dan kerana itu sebelum merdeka lagi, mustahak bagi Tengku membuat satu pelan, satu rancangan supaya jangan nanti kata terhambur, janji dibuat tetapi tidak ditepati sebab jika hanya dengan perkataan saja adalah sangat payah dan sukar untuk dilaksanakan. Dengan keadaan yang demikian itu kita syorkan supaya pada masa-masa yang akan datang Tengku jangan banyak berjanji kerana kelak janji-janji itu akan dituntut oleh rakyat apabila sudah tiba masanya. Orang tahu untuk menghapuskan Komunis di seluruh Tanah Melayu ini, terutamanya pula fahaman-fahaman Komunis itu sudah merebak di dalam lingkungan orang-orang kita.

\* \* \*

Sebuah akhbar mingguan yang baharu terbit di Persekutuan Tanah Melayu di dalam keluarannya yang pertama pada muka hadapan telah membidas pejabat-pejabat agama yang menjalankan atau menuntut hukum-hukum sebahagian-sebahagian sahaja seperti orang-orang yang tidak membayar zakat, tidak puasa, dan orang-orang yang berkhawat sedang, katanya, di dalam negeri persekutuan itu baik kejadian-kejadian minum arak, pelacuran, (zina) dan penjudian bermaharajalela terutamanya di bandar-bandar yang besar – tidak diambil langkah oleh alim ulama di Persekutuan Tanah Melayu.

Kita mengetahui bahawa langkah-langkah yang diambil oleh jabatan-jabatan agama di Persekutuan itu adalah diasaskan kepada undang-undang “Muhammadan Law” yang telah dibuat pada masa sebelum perang dahulu, pada masa itu bantahan-bantahan telah dibuat oleh akhbar-akhbar tentang kurang lengkapnya undang-undang itu dan memberi pula pandangan bahawa undang-undang Muhammadan Law akan menjadi permainan sahaja. Apa yang disangka sememangnya telah menjadi kenyataan tetapi tentang menentukan

-sambunganannya pada muka 35

## Dari sebulan ke sebulan

### -sambungan dari muka 9

kesalahan-kesalahan itu kepada ulama-ulama sahaja seperti yang ditumpukan oleh penulis dalam akhbar mingguan keluarannya yang pertama itu, adalah satu perkara yang kita pandang mendatangkan satu-satu sebab lalu menghidupkan kesalahan-kesalahan kepada alim ulama kerana alim ulama itu sendiri tidak mempunyai kekuasaan sedang kekuasaan yang banyak pada masa ini adalah terletak kepada sebahagian ulama yang duduk di dalam UMNO kerana mereka itulah yang kerap mengatakan merdeka dahulu baharu agama dapat merdeka. Sekarang mereka di dalam pemerintahan dan mengapa ulama itu mendiamkan diri dan melihat sahaja pimpinan-pimpinan itu sendiri mempermain-mainkan agama atau melanggar hukum agama di tengah terang? Tidakkah sifat ini ertinya “Kena mata dipicingkan kena perut dikempiskan?” sifat ulama yang demikian ini sudah terang ialah ulama yang mencari kedudukan dan kerana itu tempelak kepada umum ulama tidaklah kena pada tempatnya.

\* \* \*

Tuduhan-tuduhan kepada ulama sahaja yang bertanggungjawab pada tiap-tiap keburukan masyarakat itu, menurut pandangan kita, salah. Agama Islam menanggungkan yang demikian itu rata kepada tiap-tiap pemeluknya dan akhbar itu sendiri bertanggungjawab meratakan pengertian-pengertian agama kepada umum. Ia tidak hanya tahu membentangkan keburukannya tapi hendaklah bekerja bersungguh-sungguh bagi membuat khidmat, menyempurnakan tanggungjawabnya dengan cara tulisan atau jalan kebijaksanaan yang patut dibuatnya. Kita berharap mudah-mudahan akhbar itu akan berbimbing tangan dengan akhbar-akhbar yang lain memberi pengertian dan memberi ingatan kepada umum supaya mereka cenderung dan berbalik kepada jalan Allāh.

\* \* \*

Satu perkataan yang pahit tetapi harus benar ialah

kenyataan Persekutuan Cina yang telah mengatakan bahawa seorang Melayu hendaklah percaya kepada sendiri dalam perkembangan ekonominya – jangan biasa berkeadaan hendak makan disudukan sahaja. Pahit tetapi benar!! Kita orang Melayu, kerana sebab penjajahan atau seumpamanya di dalam tiap-tiap satu kerja maka selalu benar kita hanya meminta kepada orang lain, menuntut kepada kerajaan mengadakan ini dan itu tetapi kita sendiri tidak mau berusaha sendiri untuk menyampaikan cita-cita dan kehendak kita. Kita di dalam berbagai lapangan nyata bahawa kita mempunyai kebolehan apabila kita mahu kepada sesuatu, tetapi dalam permainan, bunyi-bunyian dengan lengkap apa bahasa pun orang kita boleh meningkat. Dengan perniagaan ada juga orang kita yang telah jaya yang memulai kerjanya dengan sangat kecil. Kejayaan-kejayaan yang didapat oleh mereka itu bukannya dengan bantuan kerajaan tetapi dengan kebolehan, keyakinan, tenaga yang penuh dengan kesungguhan. Yang demikian ini patut diperhatikan dan diberi contoh kepada umat. Kita sentiasa melihat kesungguhan, kecekalan, kerajinan di dalam perusahaan-perusahaan itu sama ada perniagaan atau perusahaan boleh dikata tidak ada pada bangsa kita. Di dalam tabiat orang-orang kita nampak dan zahir mereka itu selalu suka atau berkeadaan memadai dengan apa yang ada, memadai dengan kemajuan yang ada dan tidak mahu memperbaiki, mengubah atau mengatur kerja-kerja supaya sesuai dengan peredaran-peredaran zaman. Pada masa ini ia beruntung 100% di dalam perusahaannya maka mereka tidak mahu melipat gandakan usahanya itu untuk maju dan lebih cergas lalu mengadakan apa yang ada padanya dan bekerjalah mereka dengan cara-cara kerja yang memadai sekadar adanya sahaja – mencuaikan dirinya, mengurangkan kesungguhannya dan kerana itulah banyak usaha-usaha itu terbengkalai dan tidak dapat disempurnakan dengan bersungguh-sungguh. Kalau bangsa lain

telah maju maka mereka melipat gandakan kesungguhannya, bekerja 8 jam sehari – tetapi pada kita berlainan, kalau sudah maju – kalau dulunya 8 jam sehari sekarang akan bekerja 7 ½ sehari dan di sebalik itu mengadakan percampuran-percampuran yang membazirkan wang dan akhirnya perusahaan itu sendiri terlungkup.

Untuk ini semuanya maka sangatlah perlu bagi kita mengadakan kadet-kadet untuk mencapai cita itu supaya dapat anak-anak kita berlatih bekerja sungguh-sungguh, membanting tulang – kalau sudah maju hendaklah maju lagi dan ini adalah jangan menyalahkan agama di dalam perkara

ini. Sebab di dalam pengajaran agama tiap-tiap seorang disuruh bekerja sungguh-sungguh – tidak ada *holiday*, tidak ada masa berehat dan berhenti kerja hanya semata-mata di dalam masa menunaikan sembahyang fardhu, makan dan tidur sahaja – selain dari masa itu hendaklah bekerja, bekerja dan terus bekerja mencari keduniaannya seakan-akan mereka hidup untuk selama-lamanya, hidup yang kekal abadi dan kalau sudah jaya diingatkan dan membuat kebajikan kepada agama dan masyarakatnya tidak membazirkan wang menghamburkan dengan minum arak, berjudi, dan berleka-leka dengan wanita-wanita.

## ////////////////////// **IBN KHALDUN DI JAKARTA** ////////////////////////

“Yayasan Ibn Khaldun” begitulah namanya sebuah pertubuhan yang telah didirikan di Jakarta baharu-baharu ini bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam. Badan ini didirikan oleh cerdik pandai Islam di Jakarta dari berbagai-bagai parti Islam seperti Masyumi, Nadhlatul Ulama, Syarekat Islam, Partai, dan lain-lainnya.

*Gambar menunjukkan upacara merasmikan berdirinya “Perguruan Tinggi Ilmu Kewartawanan dan Politik” iaitu usaha yang pertama yang telah dilancarkan oleh “Pertubuhan Ibn Khaldun” tersebut.*

